

Sila semak semasa dilafazkan:

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
DI MAJLIS PELANCARAN BUKU  
"THE STATE OF THE WORLD'S CHILDREN 1999"  
DI THE MINES, SUNGAI BESI, KUALA LUMPUR  
PADA HARI SABTU, 20 MAC 1999  
JAM 3.00 PETANG**

-----

Marilah kita bersama melafazkan kesyukuran kepada hadrat Ilahi di atas limpah kurnia dan hidayahNya yang membolehkan kita berhimpun di dewan yang indah ini dalam keadaan aman dan sejahtera. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan UNICEF di atas penghormatan yang diberikan kepada saya sekali lagi untuk melancarkan laporan UNICEF State of the World's Children 1999. Majlis ini membawa erti yang sangat besar kepada saya kerana saya telah dapat mengikuti perkembangan situasi kanak-kanak di seluruh dunia melalui laporan seperti ini yang dikeluarkan setiap tahun; juga memberi saya peluang mengimbas semula pengalaman saya sebagai seorang Pegawai Perubatan yang berhadapan dengan ibu-ibu dan kanak-kanak.

2. Hari ini tercatitlah satu peristiwa bersejarah kerana laporan akan dilancarkan sebentar lagi adalah laporan yang terakhir yang menceritakan situasi kanak-kanak bagi alafini dan akan dijadikan pengukur atau "bench mark" bagi usaha-usaha selanjutnya. Pencapaian kita sebagai generasi dewasa kini akan dinilai bukan setakat kata-kata dan laporan yang indah tetapi berasaskan kemajuan yang tercapai serta kemudahan dan program yang berkesan dan berterusan untuk membawa kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup semua lapisan rakyat khususnya kanak-kanak.

3. Sebagai seorang ibu kepada 7 anak dan nenek kepada 11 cucu, dan sesuai dengan tujuan majlis, saya ingin sampaikan pesanan saya kepada kanak-kanak.

4. Anak-anak yang disayangi adalah harapan bangsa dan negara. Segala peluang untuk melengkapi diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berguna dan berfaedah hendaklah direbut supaya anak-anak dapat menjadi seorang individu yang matang dan bijak. Dengan itu anak-anak berupaya membuat keputusan dan pilihan yang terbaik untuk diri sendiri secara bertanggungjawab dan berdisiplin. Anak-anak juga diingatkan sentiasa bersopan santun, menghormati ibu bapa, guru, orang lebih tua dan sesama kawan-kawan serta amalkan sikap suka menolong dan penyayang. Nilai-nilai murni dan budaya yang diturunkan secara tradisi oleh setiap keluarga dan masyarakat timur kita perlulah dihargai. Hanya anak-anak sahaja dapat menyambungkan nilai, etika, budaya dan moral yang baik kepada generasi baru dalam alaf baru.

5. Tujuan anak-anak pergi ke sekolah selama 11 tahun dari alam kanak-kanak ke alam remajabukanlah hanya untuk mempelajari mata pelajaran untuk lulus peperiksaan. Sanaa penting adalah pendidikan 'holistik' atau 'total' untuk membentuk watak dengan menerapi ciri-ciri yang positif dan mengamalkan kelakuan dan cara gaya hidup yang sihat. Anak-anak perlu bezakan kelakuan dan amalan yang baik daripada yang buruk, tidak sihat atau tidak selamat. Sifat bertanggungjawab, berdisiplin dan ketahanan diri adalah tiang untuk menyediakan anak-anak mengambil alih teraju pembangunan negara nanti.

6. Anak-anak Malaysia harus bersyukur kerana sejak negara mencapai kemerdekaan, Kerajaan telah memberi penumpuan kepada penyediaan kemudahan dan perkhidmatan asas untuk semua rakyat dan dengan keutamaan kepada ibu-ibu dan kanak-kanak. Semasa saya bertugas di Hospital Alor Setar pada tahun enam puluhan, setiap hari saya disambut oleh bayi dan kanak-kanak yang sakit teruk dan meninggal akibat penyakit-penyakit berjangkit seperti tibi, difteria, batuk kokol, campak, cacar, cirit-birit dan pneumonia. Di kampung-kampung pula, kanak-kanak kelihatan kurus dan berperut buncit disebabkan kekurangan zat makanan dan jangkitan cacing. Ada yang rabun mata (night blindness) kerana kurang vitamin A dan berbagai jangkitan kulit dan kudis adalah gambaran biasa. Bukan semua kanak-kanak dapat peluang pergi ke sekolah kerana sekolah terlalu jauh, tiada pengangkutan dan jalan, ibubapa tidak mampu ataupun sikap keluarga yang kurang menyedari faedah pendidikan bagi anak-anak mereka. Jika anak itu bernasib baik untuk bersekolah, berkemungkinan besar ia tercicir disebabkan letih, lesu dan sakit.

7. Anak-anak, Syukur Alhamdulillah, gambaran ini telahpun bertukar dan pengalaman kami dizaman kemerdekaan adalah sebagai impian untuk anak-anak hari ini. Kini, terdapat hospital, klinik kesihatan, sekolah, tadika, surau, balairaya dan semua kemudahan asas untuk masyarakat setempat dibandar dan luar bandar. Berbagai program telah diatitkan untuk memberi peluang kepada semua kanak-kanak meningkatkan tahap kesihatan, pembesaran, dan kualiti hidup. Program pencegahan penyakit berjangkit melalui immunisasi dan kebersihan alam sekitar telah membuktikan kejayaannya. Penyakit cacar (smallpox) telah dihapuskan bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia. Sejak tahun 1992, tiada kes polio dilaporkan dan penyakit seperti difteria dan tetanus jarang didapati di negara ini. Kecuali di kelompok-kelompok masyarakat yang enggan menerima immunisasi.

8. Syabas diucapkan kepada Kementerian Kesihatan di atas program kesihatan khususnya Program Kesihatan Ibu Dan Kanak-Kanak yang telah diatitkan secara sistematik, komprehensif dan menyeluruh. Kini Malaysia diiktiraf sebagai sebuah negara untuk dicontohi dan merupakan antara tiga negara yang telah mencapai matlamat untuk penghidupan kanak-kanak sepertimana ditetapkan dalam Pelan Tindakan Antarabangsa Kanak-Kanak. Hasil daripada rancangan pembangunan sosio ekonomi negara, Malaysia boleh terus memajukan aspek-aspek yang lebih kompleks berkaitan pembangunan, perlindungan dan penyertaan kanak-kanak.

9. Kita perlu sedar bahawa bukan semua kanak-kanak bernasib baik seperti anak-anak Malaysia. Laporan State of the World's Children 1999 ini menceritakan nasib anak-anak khususnya anak perempuan di negara-negara membangun seperti di Afrika dan Asia Selatan. Mereka masih tidak ada peluang pergi ke sekolah kerana kemiskinan, tiada sekolah, tiada tempat di sekolah ataupun terpaksa bekerja. UNICEF menganggarkan 130 juta kanak-kanak di negara-negara membangun tidak dapat pendidikan sekolah rendah dan 250 juta yang terpaksa bekerja sebagai buruh kanak-kanak. Dengan itu, berbanggalah dengan kemajuan dan kemakmuran yang telah dicapai di Malaysia dan teruskan usaha ini.

10. Laporan UNICEF dalam membandingkan pencapaian negara-negara, telah meletakkan Malaysia sebagai nombor 39 berasaskan indikator-indikator sosioekonomi seperti kadar kematian kanak-kanak bawah umur 5 tahun. Malaysia adalah dalam lingkungan negara-negara

maju dan setanding dengan Hungary, Poland, Slovakia dan Jamaica. Kadar kematian bayi kini ditahap rendah iaitu 9 bagi setiap 1000 kelahiran hidup dibandingkan dengan 75 pada tahun 1957. 95% kanak-kanak kita menerima immunisasi penuh dan 99% kanak-kanak masuk ke sekolah rendah. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada semua Kementerian dan Agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, pertubuhan sukarela dan sektor korporat di atas usaha-usaha gigih, dedikasi dan komitmen yang telah membawa Malaysia kepada kejayaan yang amat membanggakan.

11. Kerajaan akan terus beri keutamaan kepada kanak-kanak. Komitmen ini telahpun dimeteri melalui 2 deklaras antarabangsa yang terpenting bagi kanak-kanak iaitu Pelan Tindakan Antarabangsa Kehidupan, Pembangunan Dan Perlindungan Kanak-Kanak, dan konvensi hak asasi kanak-kanak. Kedua-dua dokumen ini telah ditandatangani oleh YAB Perdana Menteri sendiri pada tahun 1991 dan 1993.

12. Rancangan dan program Kerajaan tidak akan memberi kesan yang diharapkan tanpa penglibatan, sikap dan amalan positif dan bertanggungjawab oleh anak-anak sendiri. Saya merayu kepada setiap anak di dewan ini dan di seluruh negara untuk berfikir dan membuat azam untuk membangunkan diri sebagai individu yang kuat, sihat dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran apabila kita melangkah ke alaf baru 287 hari lagi.

13. Dengan ucapan selamat maju jaya kepada semua anak-anak Malaysia, saya dengan sukacitanya dan dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, melancarkan laporan UNICEF State of The World's Children 1999.

\*\*\*\*